

**TEKS UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI KERJA
RAYAMAJLIS PERASMIAN SEMINAR MEMPERKASA
KONTRAKTOR BUMIPUTERA PADA 22 MAC 2014 (SABTU)
DEWAN KULIAH UTAMA, POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia..

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya. Di kesempatan ini juga saya memohon agar para hadirin dapat sama-sama mendoakan kesejahteraan anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada PKK kerana berjaya menganjurkan seminar ini di Mukah, Sarawak. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menyertai seminar pada kali ini. Tanpa kehadiran dan kerjasama tuan/puan, seminar pada hari ini tidak dapat berjalan dengan lancar. Saya amat berharap semangat kesepakatan dan kerjasama ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu agar kita terus dapat memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Seperti yang dirancang, seminar hari ini telah berjaya mengumpulkan seramai 250 orang kontraktor Bumiputera dari seluruh negeri Sarawak amnya dan kawasan sekitar Mukah khususnya. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada

syarikat dalam urusan mendapatkan pengiktirafan Taraf Bumiputera. Selain itu, seminar ini juga bertujuan mendedahkan para peserta dengan elemen integriti yang perlu disemai dalam syarikat tuan/puan dalam menjalankan operasi harian.

Untuk makluman tuan/puan, PKK sememangnya komited dalam melaksanakan kursus-kursus bagi menyediakan platform kepada kontraktor-kontraktor terutamanya Bumiputera untuk menambah ilmu pengetahuan dan seterusnya membantu dalam urusan seharian. Ini terbukti dengan bilangan 207 kursus dan seminar yang telah dianjurkan oleh PKK sepanjang tahun 2013 di seluruh Negara yang telah melibatkan seramai 19,940 kontraktor Bumiputera Gred G1 – G7.

Selain itu, program pembangunan di bawah PKK juga memberi peluang perniagaan dan meluaskan jaringan perniagaan menerusi penajaan kepada 20 kontraktor Bumiputera bagi Program Ekspo Renovation (1 – 3 Jun 2013) dan One Build Malaysia International Exhibition (9 – 12 September 2013) di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala

Lumpur. Menerusi program tersebut, kontraktor yang terlibat dianggarkan telah memperolehi jualan kontrak terkumpul bernilai RM3.8 juta.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Program pembangunan kontraktor Bumiputera perlu dilaksanakan bagi memastikan kontraktor Bumiputera sentiasa berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam industri pembinaan. Selain itu, program-program sebegini dijangka dapat memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk meluaskan pasaran dan jaringan perniagaan di kalangan usahawan binaan.

Sehubungan itu, PKK dengan kerjasama lain-lain NGO akan terus melaksanakan program-program pembangunan ini di masa hadapan. Ini adalah satu pendekatan pengukuhan kapasiti Kontraktor Bumiputera yang selaras dengan hasrat kerajaan untuk '*Merakyatkan Perkhidmatan Awam*' dan memperkasakan Agenda Bumiputera. Bagi tahun 2014, PKK telah merancang untuk mengadakan sebanyak 264 kursus di seluruh negara. Jadi saya berharap agar tuan/puan dapat

mengambil kesempatan dan peluang ini untuk terus menyertai program-program tersebut.

Saya juga menyeru para kontraktor yang mempunyai sebarang kesulitan dan masalah agar menyalurkan sebarang permasalahan terus kepada PKK cawangan negeri atau Ibu Pejabat sekalipun. Saya memohon kerjasama tuan/puan agar menggunakan saluran media komunikasi yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dan bukan saluran-saluran yang dapat mencalar imej Kerajaan untuk menyatakan pendapat dan aduan dan sebagainya.

Insya Allah, PKK bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan meningkatkan lagi usaha untuk membantu kontraktor Bumiputera yang berkecukupan dan berpotensi untuk maju ke hadapan dengan inisiatif dan program pembangunan kontraktor yang disediakan. Secara keseluruhannya, Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh kontraktor dan akan terus menekankan kepada aspek pelaksanaan yang efektif dan memudahkan akses kepada kemudahan yang ada.

Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras bagi menjayakan seminar ini. Semoga kehadiran tuan/puan pada hari ini telah berjaya mencapai objektif yang dirancang tersebut.

Sehubungan itu, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Seminar Memperkasa Kontraktor Bumiputera anjuran PKK di Politeknik Mukah, Sarawak pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*